



UMNO Pulau dan kroni-kroninya

Kini terlalu banyak cerita-cerita mengenai UMNO Pulau disampaikan oleh ahli-ahli samada melalui lisan atau internet. Kenapa kini ianya berlaku?

Dari pemerhati-pemerhati politik tempatan ianya mungkin berpunca dari ketidakpuasan beberapa pemimpin didalam kelompok Pulau itu sendiri yang selama ini dipendam sehingga menjadi 'barah' yang tidak dapat dibendung lagi. Topik kepimpinan, kredibiliti dan pengaruh dikatakan menjadi punca keretakan yang berlaku didalam kelompok Pulau.

Sebilangan besar dari orang Pulau sendiri tidak mahukan "dynasty Tok Mat" untuk memimpin Pulau. Dan ada segelintir yang mahukan waris Tok Mat untuk memimpin Pulau dengan alasan "mengenang jasa bapanya". Dan segelintir lagi yang majoritinya 80% remaja mahukan perubahan setanding dengan lain-lain bahagian UMNO dan majoriti ini sering memberi kenyataan apakah yang telah dibangunkan oleh pemimpin yang telah 35 tahun memimpin ini?

Tak hairanlah ada sebahagian besar pemimpin 'besar' pulau telah mula berhijrah ke UMNO Johor Bahru atau Tebrau kerana dikatakan telah muak dan bosan dengan karenah pemimpin-pemimpin Pulau dan kroni-kroninya. Kesilapan yang dilakukan oleh Tok Mat dikatakan begitu besar sehingga menyinggung beberapa pemimpin veteran dan mula berkecil hati.

Ini mungkin ada kebenarannya kerana ketika ini Tok Mat merasakan dirinya keseorang dalam menharungi cabaran politik bahagiannya sendiri. Tok Mat terlalu menaruh kepercayaan kepada mereka yang dianggapnya jujur dan ikhlas dalam perjuangan politik tetapi sebaliknya mereka inilah yang akan menjatuhkan Tok Mat sendiri sehinggakan pada satu-satu ketika 'penggundi' beliau begitu susah untuk berjumpa dengan Tok Mat dan sering dihalang oleh 'body-guard' beliau.

Mereka inilah yang bakal menjahanamkan Tok Mat dan ketika beliau akan jatuh mereka akan menjauhkan diri kerana madu yang diinginkan dari Tok Mat telah kehabisan dan Tok Mat tak boleh memberikan mereka apa-apa lagi. Inilah hakikatnya politik Pulau ketika ini.

Seperkara lagi yang menjadi darah daging UMNO Pulau ialah budaya 'cantas mencantas' dikalangan pemimpin Pulau terutama mereka yang tidak memihak kepada mana-mana 'team'. Di Pulau terdapat beberapa team seperti Nur Jazlan, Munthanna Abdullah dan sebagainya. Mereka akan cantas mencantas bagi menghancurkan antara satu sama lain sehingga mengaitkan Ketua Bahagian campur tangan dan yang pasti 'ayah' akan menyebelahi 'anaknya'.

Sikap sedemikianlah yang tidak disenangi segelintir ahli-ahli UMNO Pulau itu sendiri. Sehingga kini dikebanyakan ahli-ahli akar umbi di cawangan-cawangan UMNO Pulau seperti kehilangan pemimpin. Persoalannya kemana perginya Pemuda-Pemuda UMNO Cawangan? Sebilangan besar cawangan-cawangan begitu lesu dan ada cawangan-cawangan yang hanya tinggal nama dan Ketua Pemuda mereka entah ke mana.

Inilah hakikat dalam UMNO Pulau ketika ini dan fenomena ini perlu mendapat perhatian dari pemimpin-pemimpin negeri kerana sekiranya ianya tidak diubah segera akan menjadi barah dan pekung yang akan menyulitkan persediaan dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Bagi mengelakkan kekecewaan dikalangan ahli-ahli, adalah wajar pemimpin-pemimpin muda dan baru diketengahkan dalam membawa wadah dan perjuangan UMNO Pulau - siapa yang memimpin tidak penting dan tidak semestinya 'dynasty Tok Mat' kerana model prototaipnya telahpun dirasanya oleh ahli-ahli Pulau itu sendiri selama 35 tahun yang lepas. Pulau perlu sentuhan global yang berpandangan jauh tidak hanya semata-mata untuk memenangi hati pengundi.

Bagaimana pula dengan pembangunan kawasan Pulau masa hadapan?

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.